


Dato Kampo bebas dari sekatan, masok PR

Berita Harian, 31 May 1968, Page 2

 Article also available on Microfilm Reel NL5468



KUALA LUMPUR,
Khamis. — Kerajaan telah membatalkan semua tujuh syarat pembebasan yang dikenakan ka-atas Datuk K a m p o Radjo, bekas Setiausaha Agong Parti Perhimpunan Kebangsaan, dan beliau hari ini masok menjadi ahli Parti Rakyat Malaya.

Pengumuman2 tersebut telah di-buat oleh beliau dalam satu sidang akhbar di-ibupejabat Parti Rakyat di-sini hari ini.

Datuk Kampo berkata bahawa syarat2 itu telah di-batalkan mulai 28 Mei kelmarin dan baharu di-ketahui-nya jam 3.30

petang semalam dari sa-orang pegawai polis yang menyerahkan surat pembatalan itu di-rumahnya, di-Semenyeh, Ulu Langat.

Sharat2 yang di-batalkan itu sa-bagai berikut:

● Tidak boleh bertukar alamat tanpa kebenaran polis;

● Tidak boleh keluar antara jam 10 malam hingga 6 pagi;

● Tidak boleh keluar dari daerah Ulu Langat kechualj dengan kebenaran polis;

● Hendak-lah melaporkan diri kepada polis dua kali sa-bulan;

● Tidak boleh mengambil bahagian dalam politik;

● Tidak boleh berpidato di-hadapan umum; dan

● Jamin diri \$500 dengan sa-orang penjamin.

Datuk Kampo telah ditahan dalam bulan Januari 1955 kerana menyokong Indonesia dalam masa konfrantasi dulu dan telah di-bebaskan dengan sharat2 tadi pada 14 Januari tahun lalu.